

PM: 125 perintah kediaman terhad ditarik balik, 200 lagi dibatal
The Malaysian Insider
05 Oktober , 2011
Oleh Shannon Teoh

KUALA LUMPUR, 5 Okt — Datuk Seri Najib Razak berkata kesemua 125 perintah kediaman terhad akan ditarik balik sebaik sahaja salah satu daripada undang-undang keselamatan dimansuhkan ekoran keputusan pentadbirannya baru-baru ini.

Sambil menyifatkannya sudah lapuk dan tidak lagi relevan, Perdana Menteri (gambar) berkata, 200 waran yang hendak diserahkan di bawah Akta Kediaman Terhad juga akan dibatalkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Dalam perutusan khas sempena Hari Malaysia bulan lalu Najib telah mengumumkan bahawa proses transformasi politik buat permulaan akan membabitkan pemansuhan tiga proklamasi darurat sedang berjalan.

Ia termasuklah darurat 1969 yang melibatkan seluruh negara, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Buang Negeri 1959 selain kajian semula yang membabitkan Akta Kediaman Terhad 1933, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Seksyen 27 Akta Polis 1967.

"Saya berdiri di Dewan yang mulia pada hari ini bagi memulakan proses mengotakan janji kerajaan," kata beliau di Parlimen pagi ini.

"Kita mengambil keputusan ini dengan penuh kesedaran bahawa matlamat tertinggi sebuah kerajaan rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat adalah kebajikan dan kesejahteraan warganegaranya.

"Kita berusaha dan berikhtiar demi negara dan anak-anak cucu yang mempunyai hak terhadap hari muka lebih baik, sarat dengan harapan," katanya lagi.

Kata Najib, kerajaan telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 kerana undang-undang tersebut sudah lapuk ditelan zaman dan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa berlandaskan dua faktor utama iaitu prinsip demokrasi dan keadilan dan kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat dan urbanisasi.

Kata Najib, berdasarkan perkembangan semasa Akta Kediaman Terhad 1933 sudah terang tidak diperlukan lagi dan "pada hemah kerajaan, pemansuhan akta ini merupakan suatu keputusan yang wajar."

" Dengan demikian, saya ingin mengumumkan bahawa Menteri Dalam Negeri akan membebaskan kesemua 125 individu yang ditahan di bawah Perintah Kediaman Terhad dengan serta-merta.

"Serentak dengan itu, Kementerian Dalam Negeri juga akan membatalkan lebih 200 waran yang belum disampaikan dengan serta-merta," kata beliau lagi.

Pucuk pangkalnya, kata Najib, beliau dan rakan-rakan tidak akan sekali-kali berganjak dari meneruskan perjalanan bahkan makin komited untuk membuat yang terbaik demi keharmonian negara. "Sesungguhnya, ini hanyalah satu permulaan," kata Najib yang juga

Pengerusi BN dan Presiden Umno.

Kata Najib, Rang Undang-Undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011, yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat, bertujuan untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 yang sudah lapuk dan sudah tidak berguna lagi pada masa ini.

Malah menurut beliau, pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933 tidak menjejaskan apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat atau tindakan atau prosiding yang diambil sebelum tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang itu.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pm-125-perintah-kediaman-terhad-ditarik-balik-200-lagi-dibatal/>